Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
BAHASA MELAYU 1103/1
Kertas 1
2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[*Masa yang dicadangkan : 30 minit*]

Artikel dan grafik menunjukkan maklumat berkaitan **pencemaran alam sekitar**.

Anda merupakan ahli jawatankuasa penduduk di kawasan tempat tinggal yang terdedah dengan isu pencemaran. Sebagai ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab, tulis **sepucuk surat** kepada pihak berkuasa tempatan berkaitan **langkah-langkah mengatasi pencemaran alam sekitar.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi ***empat*** *soalan. Jawab* ***satu*** *soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan.**

1

Amalan menabung dilihat sangat penting dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Oleh itu, kita boleh memulakan tabungan pada setiap bulan dan mengawal diri daripada berbelanja barangan yang tidak diperlukan seperti sering menukar telefon pintar model terkini dan membeli pakaian berjenama. Ibu bapa juga harus menjadi contoh yang baik bagi memastikan amalan tersebut berjaya dipraktikkan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada https://www.kosmo.com.my/2022/06/16/

Petikan di atas menyatakan bahawa amalan menabung perlu diterapkan dalam diri setiap individu untuk menghadapi dunia yang penuh cabaran.

Ulas pernyataan di atas.

2

Penyakit berjangkit merupakan penyakit yang boleh merebak daripada seseorang kepada individu yang lain. Penularan penyakit ini disebabkan oleh beberapa jenis kuman seperti bakteria, kulat dan virus. Kebanyakan penyakit berjangkit hanya menyebabkan gejala ringan dan boleh sembuh tanpa rawatan manakala terdapat penyakit berjangkit yang memerlukan rawatan lanjut bagi mengelakkannya menjadi lebih parah. Risiko mendapat atau menyebarkan penyakit berjangkit boleh dikurangkan dengan melakukan penjagaan kebersihan diri dan persekitaran serta mengamalkan gaya hidup sihat.

Sumber : Dipetik dan diubah suai
https://tips-kesihatan.com
06/09/2022

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa sesetengah penyakit berjangkit hanya menyebabkan gejala ringan dan akan sembuh tanpa rawatan.

Tulis sebuah rencana tentang langkah-langkah mencegah penularan penyakit berjangkit.

3

Menteri Sumber Manusia pernah mengumumkan bahawa terdapat seramai 6.7 juta buruh asing di Malaysia. Pengeluaran makanan di Malaysia agak terjejas apabila ramai pekerja asing pulang ke negara asal. Kesan kekurangan tenaga kerja ini amat dirasai dalam sektor pertanian seperti di ladang kelapa sawit, di kebun sayuran dan dalam sektor penternakan. Namun, didapati rakyat Malaysia terutamanya golongan belia masih kurang berminat menceburkan diri dalam sektor ini.

Sumber***: http://animhosnan.blogspot.com/2021/01/***

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam sektor pertanian di Malaysia.

Pada pendapat anda, selain masalah yang dinyatakan di atas, apakah cabaran-cabaran dalam memajukan bidang pertanian?

4

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan modal pusingan tidak melebihi RM25 juta setahun. Antara contoh IKS ialah industri kraf tangan, produk makanan dan minuman serta industri inap desa. Sehingga kini,

dorongan dan galakan kerajaan kepada pengusaha IKS supaya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan mewujudkan tindak balas yang positif.

Sumber : *Laman Blog Usahawan IKS*

Pernyataan di atas berkaitan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang mampu mendatangkan kebaikan dalam pembangunan negara.

Bincangkan kebaikan-kebaikan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT